

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
(AMPANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah usaha-usaha untuk
menaikkan mata wang ringgit Malaysia yang semakin merudum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan kadar ringgit berbanding dolar AS nilainya telah menyusut sebanyak 18.6% pada tahun 2015. Berbanding mata wang serantau, nilainya juga merosot antara 8.4% hingga 14.7%. Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit pada tahun 2015 bukanlah suatu kes

terpencil dan ianya didorong oleh faktor dalaman dan luar negeri.

2. Faktor tersebut meliputi jangkaan dan susulan kenaikan kadar dasar AS yang telah menyebabkan pengimbangan semula aset portfolio dari pasaran sedang pesat membangun kepada aset kewangan AS. Keadaan ini menyebabkan penambahan nilai dolar AS yang ketara berbanding dengan kebanyakan mata wang dalam pasaran sedang pesat membangun. Faktor seterusnya ialah kebimbangan yang semakin meningkat di kalangan pelabur terhadap prospek ekonomi global. Perkembangan ini telah menyebabkan meningkatnya penghindaran risiko oleh pelabur. Justeru, berlaku aliran keluar pelaburan portfolio yang lebih tinggi daripada pasaran sedang pesat membangun. Selain itu, ringgit dan kebanyakan mata wang negara-negara pengeksport komoditi yang lain juga turut terjejas akibat kebimbangan terhadap kesan harga minyak mentah dan komoditi lain yang lebih rendah ke atas kedudukan ekonomi negara masing-masing. Manakala, ketidakpastian perkembangan domestik juga telah memberikan kesan sentimen terhadap ringgit.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

3. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik mata wang termasuk ringgit adalah sesuatu yang mungkin berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Sehubungan itu, objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit. BNM turut melakukan pemantauan harian terhadap pasaran pertukaran asing bagi memastikan pergerakan pasaran adalah teratur. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi.

4. Perkembangan mata wang terkini pula menunjukkan ringgit telah kembali menambah nilai berbanding kebanyakan mata wang asing. Sejak bulan Oktober 2015 sehingga 9 Mac 2016, ringgit telah bertambah nilai berbanding dolar AS (7.5%) dan kebanyakan mata wang utama dunia. Nilai ringgit juga meningkat berbanding mata wang serantau di antara 4.5% hingga 10.3%. Sehubungan itu, adalah penting untuk diketahui bahawa kenaikan nilai ringgit yang berlaku pada ketika ini adalah

berlatarbelakangkan kebimbangan yang tercetus pada tahun 2015, termasuk ketidakpastian dasar monetari ekonomi maju dan trend harga minyak mentah global yang masih belum stabil. Justeru, kenaikan nilai ringgit ini lebih mencerminkan perubahan sentimen yang terlalu mendadak di dalam persekitaran global kini yang masih tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk menangani kesan penyusutan nilai ringgit adalah Kerajaan melalui BNM telah menjalankan intervensi dua hala dalam pasaran pertukaran asing untuk menangani perubahan yang mendadak dalam nilai ringgit. Ini telah dapat membendung tekanan aliran keluar modal terhadap ringgit. Selain itu, Kerajaan juga telah berusaha untuk membantu mengurangkan kesan aliran keluar ke atas nilai ringgit. Ini termasuklah melaksanakan langkah-langkah yang menggalakkan syarikat berkaitan Kerajaan untuk membawa balik hasil eksport dalam mata wang asing dan menghadkan aliran keluar dana, sekiranya perlu. Di samping itu, komunikasi dan pertemuan dengan penganalisa, pelabur dan agensi penarafan antarabangsa telah

dipertingkatkan untuk mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

6. Tindakan proaktif Kerajaan pula daam melaksanakan langkah konsolidasi fiskal serta usaha turut memberi keyakinan kepada pelabur antarabangsa terhadap Malaysia dan seterusnya mengelakkan aliran keluar dana. Sebagai contoh, pengumuman oleh Kerajaan yang menegaskan komitmennya untuk mengekalkan sasaran defisit fiskal dalam Pengubahsuaian Bajet 2016 telah menyebabkan reaksi pasaran yang positif.